

TRANSAKSI KEWANGAN SECARA 'ONLINE' MENURUT UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN

Online Financial Transaction According to Islamic Law of Evidence: Issues and Challenges

Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismailⁱ Ahmad Syukran Baharuddinⁱⁱ Fuadah Johariⁱⁱⁱ
Muhammad Aunurrochim Mas'ad^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Associate Professor, Faculty of Syariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. wanfattah@usim.edu.my

ⁱⁱ Lecturer and Researcher, Faculty of Syariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. ahmadsyukran@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Associate Professor, **Fakulti Ekonomi dan Muamalat**, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. fuadah@usim.edu.my

^{iv} **Senior Lecturer, Faculty of Syariah and Law**, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. aunn25@usim.edu.my

Article Progress

Received:

Revised:

Accepted:

| Abstrak | Abstract |
|--|--|
| <p>Transaksi kewangan secara 'online' bukanlah suatu yang baru kepada dunia dan telah tersebar sehingga ke Malaysia. Ia telah diaplikasikan dalam pelbagai urusan termasuklah kewangan. Namun, terdapat beberapa isu yang perlu diperjelaskan dalam konteks Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia. Kajian ini mengumpulkan data-data yang relevan diperolehi dari pendekatan analisis kualitatif terhadap kes-kes yang dilaporkan, statut-statut, dan kesusasteraan yang berkaitan. Melalui perspektif Undang-Undang Keterangan Islam di Malaysia, kajian ini membincangkan konsep transaksi kewangan secara 'online' dan penerimaannya. Ia juga menjelaskan isu-isu dan cabaran di sebalik pengaplikasian transaksi jenis ini. Secara keseluruhannya, kajian ini menyerlahkan kesyumulan Islam dalam</p> | <p>Online financial transaction is not new to the world and has been widespread into Malaysia. It has been applied in various matters including financial. Yet, there are still several issues that need to be clarified within the context of Islamic Law of Evidence in Malaysia. This study gathered relevant data which have been obtained through qualitative content analysis approach towards related reported cases, statutes, and literature. As from the perspectives of Islamic Law of Evidence in Malaysia this paper discusses the concept of online financial transaction and its admissibility, verification procedure of online transaction. It also explains on the issues and challenges behind the application of this kind of transaction. All in all, this study highlights on the completeness of Islam in providing solution of current issues despite of the</p> |

| | |
|---|--|
| <p>memberi penyelesaian terhadap isu-isu terkini sekalipun berlaku perubahan zaman, masa dan teknologi seperti yang dapat dilihat melalui perbahasan berkenaan transaksi kewangan secara 'online'.</p> <p>Kata kunci: Transaksi Kewangan Online, Undang-Undang Keterangan Islam, Fiqh Sains dan Teknologi, Forensik Dokumen, Fiqh Forensik</p> | <p><i>changes of time, era, and technology as can be seen in the discussion related to online financial transaction.</i></p> <p>Keyword(s): Online Financial Transaction, Islamic Law of Evidence, Fiqh of Science and Technology, Document Forensic, the Fiqh of Forensics</p> |
|---|--|

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama samawi yang mencakupi semua bidang kehidupan dan ia bersesuaian untuk diamalkan dalam semua masa dan keadaan. Sebagai agama yang lengkap dan sempurna, sudah tentulah Islam amat menitik berat kepada prinsip keadilan yang menepati *Maqasid Al-Syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, harta, keturunan dan akal. Dahulunya, semua transaksi yang dibuat sama ada ia melibatkan pendidikan pengurusan harian seperti pembayaran bil-bil, surat-menyurat, dan lain-lain termasuklah dalam soal kewangan dibuat secara manual dengan beratus panjang di kaunter-kaunter berjam-jam lamanya. Terdapat juga di kalangan kita terpaksa memohon cuti untuk menyelesaikan bil-bil dan sebagainya. Namun di zaman yang serba moden ini, kita tidak lagi berbuat demikian sebaliknya urusan tersebut boleh diselesaikan di hujung jari sama ada di rumah atau di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja.

Islam tidak pernah menolak kemodenan sebagaimana dalam hadith yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim: "أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ" Kamu lebih tahu urusan dunia kamu, telah membukit betapa Islam bersifat terbuka dalam menerima kemodenan. Walaupun kebebasan diberikan Islam kepada kita, namun ia hendaklah berteraskan syarak iaitu tidak melanggar lima prinsip-prinsip asas iaitu menjaga agama, nyawa, harta, keturunan dan akal. Dalam isu transaksi kewangan pihak-pihak yang terlibat perlulah bersifat amanah, telus dan tidak menzalimi serta menindas orang lain. Berurusan secara 'online' dengan tanpa sempadan tidak dapat lari dari timbulnya isu-isu penipuan, pemalsuan dan lain-lain lagi. Keadaan inilah menyebabkan perlunya sifat berhati-hati dalam menjalankan transaksi kewangan secara 'online'.

Konsep Transaksi Kewangan Secara 'Online'

Transaksi kewangan secara 'Online' adalah transaksi kewangan secara maya yang dibuat menggunakan peralatan atau saluran elektronik. Di dalam perundangan, peralatan atau saluran elektronik yang digunakan secara 'Online' diklasifikasikan sebagai 'Dokumen Elektronik'. Dokumen Elektronik merupakan nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak, disalin atau dihantar atau diterima atau di komunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik

yang lain dan ia dapat difahami serta dilihat dengan jelas. (Muhammad Fawwaz, 2008: 204.) Dokumen elektronik juga ditakrifkan sebagai 'sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik di mana bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan'. Sumber bahan bukti elektronik dan digital ialah seperti chip VLSI, SDD, hard disk, telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pengimbas, CD, DVD, VCD, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi.' (Mohamad Ismail, 2006: 3, Ahmad Syukran, 2017a: 100)

PENERIMAAN TRANSAKSI KEWANGAN SECARA 'ONLINE' MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Sebenarnya tidak ada nas-nas khusus yang membincangkan transaksi kewangan secara 'Online' khususnya dijadikan sebagai pembuktian dalam transaksi semasa. Namun jika dilihat dalam kes E-dagang¹, para ulamak menyatakan ia adalah harus kerana berdasarkan dalil-dalil umum dari al-Quran dan Sunah. E-dagang juga menggunakan transaksi secara 'Online', maka secara tidak langsung transaksi kewangan secara 'Online' juga diiktiraf, ini kerana kedua-duanya menggunakan asas yang sama iaitu 'Dokumen' yang telah pun diharuskan dalam Islam.

Islam tidak pernah menghadkan bentuk-bentuk dokumen, asalkan ia dapat dijadikan bahan bukti dalam transaksi dan dapat mengelakkan berlakunya penipuan dan pertelingkahan setelah urusan perniagaan dibuat. Tujuan Dokumen untuk mengelakkan perbalahan dan penipuan dapat juga dicapai sekalipun secara elektronik sepertimana transaksi kewangan secara 'Online'. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ﴾

Wahai orang-orang Yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. (al-Baqarah, 2: 282)

Di dalam ayat ini secara jelas Allah SWT menyebut perintah 'dokumen' atau *kitabah* (menulis) "فَاكْتُبُوهُ". Sekiranya *kitabah* tidak dapat dijadikan kaedah pembuktian, apa gunanya Allah SWT memerintahkan *kitabah* apabila transaksi hutang itu dibuat. Di dalam ayat lain Allah SWT berfirman:

﴿قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ إِنِّي أُلْقِيَ إِلَيَّ كِتَابٌ كَرِيمٌ . إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . أَلَّا تَعْلَمُونَ عَلَيَّ وَأَثُونِي مُسْلِمِينَ﴾

¹ E-dagang ialah "Akad pertukaran barangan atau perkhidmatan di antara dua pihak atau lebih dengan menggunakan rangkaian perhubungan internet untuk menghasilkan keuntungan"

“(setelah membaca surat itu), berkatalah raja perempuan negeri Saba’:
”Wahai ketua-ketua! Sesungguhnya telah disampaikan kepada ku sepucuk surat Yang mulia. Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): `Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Bahawa janganlah kamu meninggi diri terhadap ku, dan datanglah kamu kepada ku Dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran ugama Allah). (al-Naml: 29-31)

Ayat di atas juga menunjukkan bahawa *kitabah* telah dijadikan sebagai hujah sejak zaman nabi terdahulu lagi. Sabda Rasulullah SAW:

"ما حق امرئ مسلم له شيء يوصي فيه يبيت ليلتين إلاّ وصية مكتوبة عنده"

“Tidak berhak seorang Muslim yang memiliki sesuatu yang (pantas untuk) diwasiatkan dan ia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam melainkan hendaklah ia mempunyai wasiat yang ditulis”. (Muslim 1997, 11:77)

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menyuruh umatnya menulis wasiat. Kalaulah penulisan wasiat tidak penting dan tidak berfaedah, maka sudah tentulah Rasulullah SAW tidak akan menyuruh kita berbuat demikian. (Ibn Qayyim: 174). Terdapat hadis-hadis lain, Rasulullah SAW mengetuskan surat kepada raja-raja termasuk di Rom dan Parsi yang bertujuan untuk menyeru mereka kepada Islam. Ada antara hadis-hadis yang menyatakan Rasulullah menurunkan cap rasmi kerajaan, kerana sesetengah kerajaan tidak akan melayan mana-mana surat tanpa ada cap rasmi seperti dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a. (Bukhari 1992, 3:10 dan al-Mawardi 1982: 92).

Kitabah juga di anggap satu *qarinah* yang kuat dalam pembuktian seperti *kitabah* yang terdapat pada dinding. Imam Ahmad pernah diajukan pertanyaan: “ketika tentera Islam membuka negara yang sebelumnya dikuasai tentera kafir, terdapat dipintu rumah atau tanah tertulis ‘ini adalah diwakafkan’, maka Imam Ahmad menjawab ia adalah benar kerana tulisan yang terdapat di situ merupakan satu *qarinah* yang kuat”. (Ibn Qayyim: 178, Ahmad Syukran, 2017b: 192). Kaedah fikah ada menyebut (الكتاب كالخطاب) *kitabah* sama dengan lafaz dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati. (al-Zarqa’ 2007: 349). Pepatah Arab ada menyebut, tulisan merupakan salah satu dari dua lidah manusia, oleh yang demikian *kitabah* boleh dijadikan hujah dalam pembuktian. (Ibn Abidin 1995, 5:582, al-Bahuti 2000, 6:387 dan Ibn Qayyim 2007: 174).

Kesemua dalil-dalil di atas menyatakan dokumen boleh dijadikan bahan bukti tanpa mengehadkan bentuk-bentuk dokumen, yang penting ia dapat

menzahirkan kebenaran. Maka berdasarkan dalil-dalil di atas, secara tidak langsung syarak mengiktiraf transaksi kewangan secara 'Online'. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, dalam seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan 1950 yang memasukkan elektronik salah satu dari definisi *kitabah*. Peruntukan ini membuktikan keterangan elektronik boleh diterima pakai di mahkamah sama ada bertujuan pembuktian atau penyangkalan sesuatu dakwaan.

Kaedah-Kaedah Pengesahan Transaksi Kewangan Secara 'Online'

Kadangkala terdengar suara yang menyatakan transaksi kewangan secara 'Online' terdedah kepada penipuan dan pemalsuan. Maka secara tidak langsung keadaan ini akan menyebabkan pihak-pihak terbabit akan terdedah kepada penganiayaan. Kenyataan tersebut ada kebenarannya, namun kebarangkalian berlakunya penipuan atau pemalsuan bukan hanya kepada transaksi secara 'Online' bahkan juga secara manual. Sebenarnya syarak dan peruntukan undang-undang telah menggariskan beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk mengesahkan keaslian sesuatu transaksi secara 'Online' dibuat.

Menurut fiqh dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, terdapat beberapa kaedah pengesahan transaksi kewangan Secara 'Online' boleh diguna pakai seperti ikrar, kesaksian, sumpah dan pendapat pakar.

a. Ikrar.

Ikrar boleh dikatakan sebagai: "Pemberitahuan atau pengakuan hak orang lain ke atas dirinya". (Syeikh Abd Rahman, 1347h. 2: 288). Terdapat banyak dalil sama ada al-Quran, sunah dan ijmak menyatakan ikrar sebagai kaedah pengesahan dokumen termasuklah pengesahan keaslian sesuatu dokumen urus niaga, antaranya: Firman Allah SWT:

﴿بَلِ الْإِنْسَانُ عَلَىٰ نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ وَلَوْ أَلْفَىٰ مَعَاذِيرُهُ﴾

"Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri, Walaupun ia memberikan alasan-alasannya (untuk membela diri)". (Surah al-Qiyamah, 75:14.)

Sabda Rasulullah SAW:

"واغدُ يا أنيسُ إلى امرأة هذا، فإن اعترفت فارجمها"

“Wahai Unais, segeralah kamu pergi kepada wanita itu dan bertanyalah kepadanya sekiranya ia mengaku maka rejamkan dia” (Al-Bukhari, t.th. 3: 25)

Apabila syarat-syarat² ikrar telah dipenuhi maka ia dapat dijadikan kaedah pembuktian yang amat kukuh dalam membuat pengesahan transaksi kewangan secara ‘Online’. Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 telah memperuntukkan tentang kesan ikrar dalam pembuktian seperti dalam seksyen 55: (1) *Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang menyempurnakan dokumen itu.* (2) *Sesuatu pengakuan yang dibuat dalam dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain boleh diterima sebagai ikrar, dengan syarat bahawa subseksyen 17(2) dipatuhi.*

Walau bagaimanapun, kehujahan ikrar sebagai kaedah pembuktian khususnya soal kesahihan sesuatu dokumen transaksi kewangan secara ‘Online’, ia hanya terhad ke atas pihak yang membuat pengakuan sahaja. Kesan ikrar tidak akan melibatkan pihak lain kerana kesan di sebalik pengakuannya itu akan ditanggung oleh dirinya sendiri. (Al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah, 1984. 6: 49).

b. Kesaksian

Kesaksian ditakrifkan sebagai; “Pemberitahuan tentang sesuat hak atau kepentingan bagi orang lain dengan menggunakan lafaz ‘Aku saksi’”. (Abd al-Mutalib abd. Razak Hamdan, 2007: 21). Terdapat banyak dalil mengenai pensyariatan kesaksian sebagai kaedah pembuktian, antaranya, firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آتِمٌ قَلْبُهُ﴾

“Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa

² Terdapat beberapa syarat ikrar yang wajib dipenuhi bagi memastikan ikrar tersebut sah seterusnya dapat dijadikan kaedah pembuktian. Syarat-syarat ikrar yang dimaksudkan ialah orang yang berikrar hendaklah baligh, berakal, berikrar tanpa paksaan, berikrar tanpa sebarang tohmahan atau syak, merdeka dan memahami apa yang diikrarkan. Syarat bagi pihak yang disabitkan baginya hak hasil dari ikrar (*al-Muqarr lahu*) pula berkelayakan untuk memiliki sesesuatu hak, maka tidak sah ikrar untuk benda, tumbuhan dan haiwan. *al-Muqarr lahu* juga hendaklah tidak menafikan ikrar tersebut dan pihak *al-Muqarr lahu* hendaklah disebut jelas oleh pihak yang berikrar. Sekiranya seseorang yang telah memenuhi syarat ikrar seperti ditetapkan syarak telah mengaku memalsukan maklumat yang terdapat di dalam dokumen urus niaga elektronik dan tanpa sebarang keraguan, maka pengakuan itu boleh diterima pakai dalam penghakiman.

hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan". (Surah al-Baqarah, 2:283)

Sabda Rasulullah SAW:

عن الأشعث بن قيس، قال: " كَانَتْ بَيْنِي وَبَيْنَ رَجُلٍ خُصُومَةٌ فِي بَيْتِي، فَأَخْتَصَمْنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: " شَاهِدَاكَ أَوْ يَمِينُهُ "

"Dari al-Asyih bin Qais, dia telah berkata: "telah berlaku perselisihan antara aku dan seorang lelaki mengenai perigi, kemudian kami membuat pengaduan kepada Rasulullah SAW, maka baginda bersabda bawalah bagi pihak kamu dua saksi atau sumpahnya". (al-Bukhari, 1422. 3: 143)

Kesaksian mempunyai kekuatannya sendiri dalam pembuktian. Kesaksian dapat diterima dalam semua kes sama ada kes-kes hudud, qisas, muamalat, munakahat dan termasuk juga dalam soal pengesahan keaslian sesuatu dokumen urus niaga. Para ulama bersepakat mengenai kekuatan kesaksian bagi dalam membuat penafian atau mensabitkan sesuatu dakwaan. (Ibn Qudamah, 1996. 14: 5). Sekiranya pendakwaan dibuktikan di hadapan hakim melalui saksi-saksi yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan syarak³, maka wajib bagi hakim menghukumkan berdasarkan kesaksian tersebut termasuklah dalam isu transaksi secara 'Online'. Ini kerana, pembuktian melalui kesaksian bermakna terlahirlah kebenaran dan hakim diperintah untuk menghukumkan sesuatu kes apabila kebenaran telah terserlah.

Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, bilangan saksi bagi pengesahan dokumen termasuklah dokumen urus niaga elektronik agak umum iaitu dua orang saksi tanpa menyatakan lelaki atau perempuan, seperti mana dalam seksyen 56(1).

³ Syarat-syarat penerimaan saksi ada tiga iaitu saksi itu hendak berakal, dapat melihat dan melihat sendiri kejadian tersebut. Bagi sesetengah ulama Hanafi, penerimaan kesaksian dari saksi buta boleh diterima sekiranya dia dapat membezakan suara antara seseorang dengan seseorang yang lain. (Ibn Farhun, Muhammad, 2000. 1: 175). Syarat-syarat yang memberi kesaksian dibahagikan kepada tiga: pertama, syarat-syarat disepakati yang mesti diambil oleh seseorang saksi iaitu Islam, berakal, baligh, tidak pelupa dan adil. Lihat: Ibn Qudamah, 1996. 14: 68). Kedua, syarat yang disepakati tidak diambil kira bagi seseorang yang memberi kesaksian iaitu lelaki, di mana lelaki dan perempuan layak memberi kesaksian. Ketiga, syarat-syarat yang diperselisihkan dari sudut penerimaannya iaitu merdeka, boleh bercakap, melihat dan tidak timbul sebarang tohmahan. (Al-Mawardi, 1999. 16: 178, Ibn Abidin, 1995. 11: 85 & al-Qurtubi, 2000. 7: 104). Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 83: Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan *syahadah* atau *bayinah* sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah akil, *baligh*, adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

c. Pendapat pakar

Selain daripada ikrar dan kesaksian, pendapat pakar merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk membuat pengesahan keaslian dokumen transaksi secara 'Online'. Pada hari ini, pendapat pakar merupakan kaedah yang paling popular bagi tujuan membuat pengesahan sesuatu dokumen sama ada dokumen biasa atau dokumen urus niaga elektronik seperti transaksi kewangan secara 'Online'. Pendapat pakar atau "*Ra'yu al-Khabir*" merupakan: "Kaedah pembuktian yang dibuat oleh ahli ilmu atau pakar di atas permintaan hakim yang, bagi mendapat pandangan mereka mengenai isu-isu tertentu yang berlaku pertelingkahan antara pihak-pihak, dengan pendapat mereka akan membantu hakim membuat keputusan yang tepat".

Hakim akan meminta bantuan pakar berkaitan dengan kes-kes di luar kemampuan dan kepakaran mereka seperti pakar forensik. Dengan bantuan mereka akan memudahkan mahkamah membuat penilaian setiap dakwaan dengan tepat dan adil. Bahkan Imam Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali telah bersepakat mewajibkan hakim merujuk pakar bagi kes-kes yang rumit dan dan bersifat teknikal bagi melicinkan proses penghakiman (Syinyur, 2006:39&60). Firman Allah SWT:

﴿فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

"Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui". (Surah al-Nahl, 16:43.)

Rasulullah SAW mengiktiraf pengesahan nasab melalui *Qiyafah* oleh Mujazziz al-Mudliji membuktikan baginda menerima pandangan pakar, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

"ذات يوم وهو مسرور فقال: يا عائشة، ألم تري أن مجززا المدلجي دخل علي فرأى أسامة وزيدا، وعليهما قطيفة قد غطيا رؤسهما وبدت أقدامهما، فقال: إن هذه الأقدام بعضها من بعض".

Pada suatu hari, Rasulullah SAW telah masuk menemui Aisyah dalam keadaan gembira yang jelas terbayang di wajah baginda,: "Madjaz al-Madlaji baru sebentar memerhati Zaid dan Usamah, setelah menutup kepala dengan kaki mereka agar kelihatan. Setelah ia memerhatikan dan menilik kaki mereka, beliau berkata: kaki mereka mempunyai persamaan antara satu sama lain. (Muslim, 1997. 5: 282)

d. Sumpah.

Sumpah juga merupakan salah satu kaedah pengesahan kesalihan sesuatu dokumen termasuklah dokumen transaksi secara 'Online'. Sumpah merupakan suatu lafaz yang digunakan untuk menyatakan (mensabitkan) haknya terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah SWT atau sifat-sifatNya". (Zuhaili, Wahbah, 1997. 8: 6064). Sumpah juga membawa maksud mengukuhkan kata-kata yang tidak sabit kebenarannya dengan menyebut salah satu dari nama-nama Allah SWT ataupun salah satu sifat-Nya dengan lafaz yang tertentu. (Dr. Mustafa al-Khin & Dr Mustafa al-Bugho, 1996. 3: 574). Ianya sama ada berkaitan dengan masa yang lalu atau akan datang atau sama ada benar atau pun dusta. (Al-Mahdani, 1984. 1: 178.) Sumpah dalam konteks sebagai suatu alat keterangan atau pembuktian dalam sistem kehakiman Islam, ialah sumpah yang dilakukan di hadapan hakim atau mahkamah sahaja. Sekiranya seseorang itu bersumpah di luar mahkamah, kemudian dibawa perkara tersebut kepada hakim maka hakim tidak boleh menerimanya. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 53 maksudnya:

﴿لَا يُؤْخَذُكُمُ اللَّهُ بِالْعُيُوبِ فِيْ أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤْخَذُكُم بِمَا عَمَدْتُمْ الْإِيْمَانَ﴾

Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengajakan.

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ، لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنَّ الْبَيْعَانَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka, karena itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya. (Al-Tirmizi, 1992. 3: 626).

Walau bagaimanapun sumpah yang dilaksanakan tidak akan diambil kira sekiranya tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan⁴. Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, sumpah merupakan kaedah terakhir digunakan untuk membuat pengesahan dokumen.

⁴ Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, syarat-syarat sumpah *al-Qadha'iyah* yang disepakati di kalangan ulama adalah seperti berikut: Hendaklah yang bersumpah itu seorang yang *mukallaf* dan melakukan sumpah dengan redha bukan dalam paksaan. Hendaklah *mudda'a alaih* menafikan tuduhan yang dilemparkan oleh *mudda'i* terhadapnya. Sekiranya *mudda'a alaih* mengaku atau *mudda'i* cukup keterangan maka sumpah tidak diperlukan. Selain daripada itu, pihak *mudda'i* hendaklah memohon kepada hakim supaya lawannya bersumpah dan hakim hendaklah mengarah pihak *mudda'a alaih* bersumpah. Sekiranya *mudda'i* tidak meminta *mudda'a alaih* bersumpah maka hakim tidak berkuasa untuk berbuat demikian. Hendaklah sumpah bersifat *syakhsiyah* iaitu dibuat secara langsung untuk dirinya. Sumpah tidak boleh dibuat untuk pihak lain kerana ia berkait rapat dengan tanggungan orang yang bersumpah dan agamanya. Oleh itu wakil atau wali tidak boleh sama sekali melaksanakan sumpah dan hendaklah ditangguhkan sehingga ia baligh. (Zuhaili, Wahbah, 1997. 8: 6064.)

Seksyen 56(6) ada memperuntukkan: “Jika sesuatu dokumen tidak boleh dibuktikan dengan mana-mana cara yang disebut terdahulu, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah, apabila diminta oleh orang yang mengatakan bahawa orang disebut terdahulu itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu, mengangkat sumpah, dan jika dia enggan berbuat demikian, orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan berikutan dengannya membuktikan tuntutananya”.

Selain itu, kes-kes yang harus dilaksanakan sumpah, hendaklah yang tidak ada kaitan dengan hak-hak Allah SWT semata-mata seperti hudud atau qisas. Sumpah harus dilaksanakan bagi mengenai hak-hak yang harus diikrarkan. Maka semua hak-hak yang dibolehkan membuat pengakuan atau diikrarkan, maka bolehlah *mudda'a alaih* yang mengingkari dakwaan ke atasnya melafazkan sumpah termasuklah kes pengesahan keaslian dokumen jual beli elektronik. Oleh itu, wakil, *wasi* dan *qayyim* (mereka yang dilantik oleh mahkamah menjaga harta anak-anak yatim) tidak boleh bersumpah bagi pihak lain kerana tidak sah ikrar mereka yang melibatkan orang lain.

ISU-ISU TRANSAKSI KEWANGAN SECARA 'ONLINE'

Terikat Dengan Kaedah Pengurusan Kewangan Secara Manual Dan Persediaan Masyarakat Menerima Kaedah Transaksi Kewangan Secara 'Online'.

Masih terdapat sesetengah pihak masih bergantung sepenuhnya kepada sistem transaksi kewangan cara lama. Yang lebih parah lagi, ada pihak langsung tidak menerima transaksi kewangan secara 'Online' dengan alasan tidak yakin dengan cara ini dan terdedah kepada penipuan serta tidak memenuhi rukun dan syarat akad. Mereka sanggup membawa tunai yang banyak semata-mata ia dapat meyakinkan dalam urusan yang dibuat, sedangkan dengan cara tersebut lebih mengancam keselamatan dan nyawa yang menjadi antara teras utama yang perlu dilindungi dalam *maqasid al-syariah*.

Sepatutnya masyarakat yang berada di zaman teknologi, tidak ketinggalan juga Malaysia perlu berubah dan menerima kemodenan selagi mana tidak melanggar prinsip-prinsip syarak termasuklah juga transaksi kewangan secara 'Online' ini. Kerana para ulama, tidak akan membisu untuk menyatakan kebenaran walaupun kadangkala berselisih pandangan. Setidak-tidaknya para ulama yang menyokong transaksi kewangan secara 'Online' ini akan menyatakan pandangan mereka berserta dengan hujah-hujah syareiyang akan menjadi panduan kepada kita semua.

Terikat Dengan Satu Pandangan Mazhab

Sepatutnya perkara mazhab khususnya berkaitan dengan transaksi kewangan sudah pun selesai. Namun masih lagi terdapat mereka yang sukar untuk menerima transaksi kewangan secara 'Online' dengan menyatakan sesuatu akad

yang dibuat perlulah dilafazkan dengan lisan dan secara bersemuka. Sedangkan sifat Islam itu mudah dan tidak menyukarkan mana-mana pihak asalkan matlamatnya sama dan mematuhi prinsip-prinsip syarak dan bertepatan dengan *maqasid al-syariah*. Matlamat akad dibuat semata-mata untuk mendapat reda atau persetujuan pihak-pihak. Persetujuan tidak semestinya hanya dilahirkan dengan lisan sebaliknya ia juga ditonjolkan melalui tindakan. transaksi kewangan secara 'Online' sebenarnya memenuhi rukun dan syarat akad cuma secara maya.

Kesediaan Mahkamah Syariah Mengendalikan Kes-Kes Berkaitan Transaksi Kewangan Secara 'Online'.

Kenyataan ini bersandarkan kepada *Ajma'wati binti atan lwn Moriazi bin Muhammad*⁵ di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Sekalipun kes ini tidaklah ada kaitan secara langsung dengan transaksi kewangan secara 'Online', namun ia jelas menunjukkan kefahaman pengamal undang-undang syariah berkaitan dengan dokumen elektronik tidak mendalam. Kes ini telah dikendalikan oleh Dato' Hj Zohdi bin Hj. Toha iaitu Ketua Hakim Syariah Selangor yang telah meluluskan permohonan plaintif. Dato' Hj Zohdi bin Hj. Toha dalam penghakimannya menjadikan cetakan komputer sebagai qarinah bayaran balik pihak plaintif.

Namun defendan telah membuat rayuan dan Hakim rayuan ketika itu ialah Datuk Syeikh Ghazali, Datuk Abu Naim bin Haji Ihsan dan Dato' Ibrahim bin Lembut. Setelah mendengar rayuan dan hujah-hujah dari pihak perayu, hakim-hakim rayuan telah menerima rayuan tersebut dan telah meminta penghakiman dibuat semula dengan mengemukakan saksi. Dalam kes ini, hakim rayuan seolah-olah menolak alasan penghakiman yang telah dibuat oleh Dato' Hj Zohdi bin Hj. Toha, Ketua Hakim Mahkamah Syariah Selangor. Antara alasan Dato' Hj Zohdi bin Hj. Toha, dalam penghakimannya menjadikan cetakan berkomputer sebagai bukti bahawa transaksi berlaku. Sebaliknya hakim rayuan meminta supaya pihak plaintif mengemukakan saksi, seolah-olah menolak keterangan melalui dokumen elektronik.

Hakim Rayuan tidak merujuk seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (AKMS) mengenai keterangan primer:

"Primary evidence means the document itself produced for the inspection of the Court: Explanation 3 – A document produced by a computer is primary evidence".

Dalam peruntukan ini jelas menunjukkan dokumen elektronik seperti catatan dalam transaksi kewangan secara 'Online' sudah memadai untuk

⁵ JH (1426H), JLD. XX BHG. I.

dijadikan kaedah pembuktian tanpa memerlukan keterangan saksi seperti mana yang telah diminta oleh hakim-hakim rayuan.

Oleh itu Pengamal undang-undang syariah perlu diberi pendedahan yang lebih meluas mengenai dokumen elektronik dengan mewujudkan bahagian khususnya berkaitan dengan elektronik forensik. Ini kerana ramai pengamal undang masih kabur mengenai pelaksanaan dokumen elektronik sebagai salah satu kaedah pembuktian sepertimana yang berlaku di dalam kes *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti atan*.

Kesediaan Peruntukan Sedia Ada Dalam Peruntukan Undang-Undang Keterangan Islam Di Malaysia.

Menurut Undang-Undang Sivil kes-kes yang dapat dibuktikan melalui dokumen elektronik adalah lebih terperinci dan jelas berbanding dengan apa yang telah dinyatakan dalam kitab-kitab fiqh. Dalam perundangan sivil, dokumen elektronik meliputi kes-kes jenayah, muamalat, gangguan seksual dan sebagainya. Manakala menurut para ulama Fiqh, mereka hanya bersepakat menyatakan keterangan elektronik terhad dalam kes-kes berkaitan muamalat dan berselisih dalam kes-kes yang lain.

Tidak terdapat percanggahan ketara mengenai dokumen elektronik antara ketetapan syarak dengan apa yang telah diperuntukkan oleh perundangan khususnya apa yang telah diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 dan Akta Perdagangan Elektronik 2006 yang diguna pakai di Mahkamah Sivil. Dengan ini Mahkamah Syariah boleh mengguna pakai peruntukan sedia ada di dalam Akta Keterangan 1950 dan Akta Perdagangan Elektronik 2006 setakat mana yang selaras dengan kehendak syarak.

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan keterangan elektronik di Mahkamah Syariah, Seksyen 90A seperti yang terdapat di dalam Akta Keterangan 1950 perlu ditambah ke dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Kerana seksyen 90A telah menggariskan peruntukan yang agak jelas mengenai dokumen elektronik termasuklah bagi transaksi kewangan secara 'Online'

PENUTUP

Islam amat menitik berat soal kehidupan manusia demi kemudahan dan kelangsungan hidup. Islam memberi kebebasan kepada manusia untuk menguruskan kehidupan mereka. Namun kebebasan yang diberikan di sini tidak bersifat mutlak iaitu selagi tidak melanggar nas-nas syarak dan melindungi lima prinsip-prinsip *maqasid al-syariah*. Transaksi kewangan secara 'Online' merupakan salah satu kaedah pemudah cara dalam urusan kehidupan di zaman perkembangan teknologi dan dunia tanpa sempadan. Transaksi kewangan secara 'Online' tidak hanya memudahkan urusan duniawi seperti perniagaan sahaja, bahkan urusan keagamaan seperti pembayaran zakat, wakaf, infaq dan

seumpamanya juga dibuat secara 'Online'. Ini bermakna, transaksi kewangan secara 'Online' sangat membantu memudahkan urusan kehidupan manusia dan inilah yang dikehendaki Islam.

Isu penipuan dan pemalsuan sememangnya tidak dapat dielakkan dalam mana-mana bentuk transaksi pun sama ada berbentuk tradisional atau elektronik. Untuk menolak urusan transaksi kewangan secara 'Online' disebabkan isi pemalsuan atau penipuan adalah sangat tidak tepat. Oleh kerana itulah perundangan Islam meletakkan beberapa kaedah untuk selesaikan isu ini iaitu melalui ikrar, kesaksian, pendapat pakar dan sumpah. Selain itu masyarakat perlu keluar dari kepompong tidak terlalu terikat dengan kaedah pengurusan kewangan secara lama dan bersedia menerima kaedah transaksi kewangan secara 'Online' atau yang lebih terkedepan pada masa akan datang. Terlalu mengikat dengan pandangan dan mazhab tertentu serta tidak melihat kepada realiti semasa juga akan merencatkan kehidupan manusia.

Untuk menjadi sebuah institusi yang dihormati dan menjadi payung kepada masyarakat, Mahkamah Syariah perlu lebih bersedia untuk mengendalikan kes-kes bersifat semasa bersesuaian dengan dunia teknologi tanpa sempadan mengendalikan kes-kes berkaitan transaksi kewangan secara 'Online'. Akhir sekali bagi memantapkan lagi pelaksanaan keterangan elektronik di Mahkamah Syariah, Seksyen 90A seperti yang terdapat di dalam Akta Keterangan 1950 perlu ditambah ke dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Kerana Seksyen 90A telah menggariskan peruntukan yang agak jelas mengenai dokumen elektronik termasuklah bagi transaksi kewangan secara 'Online'.

RUJUKAN

Buku

- Abd Al-Mutalib Abd. Razak Hamdan, 2007, *Al-Da'wa Wa Ithbatihā Fī Al-Fiqh Al-Jina'i Al-Islami*, Al-Iskandariyyah, Dar Al-Fikr Al-Jaami'.
- Ahmad Bin Muhammad Al-Sowi Al-Maliki, 1977, *Bulghah Al-Salik*, Al-Khurtum, Al-Dar Sudaniyyah.
- Ahmad Ibrahim Ibrahim, 1347h, *Turuq Al-Qadha'*, Al-Qaherah, Al-Matbaah Al-Salfiyyah.
- Ahmad Syukran, Baharuddin. 2017a. *Di Sebalik Fiqah Forensik*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, 1422, *Sahih Al-Bukhari*, T.Tp: Dar Thuq Al-Najah.
- Al-Bukhari, T.Th, *Sahih Al-Bukhari*, Tunis, Dar Sahnun.
- Al-Dhimiyati, Abu Bakar, 1993, *Hasyiah I'annah Al-Talibiin*, Beirut, Dar Al-Fikr.
- Al-Kasani, 1997 *Badai' Al-Sanai'*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

- Al-Mawardi, Ali Ibn Muhammad, 1999, *Al-Hawi Al-Kabir Fii Fiqh Mazhab Al-Imam Al-Syafei*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, 1999, *Al-Hawi Al-Kabir Fii Al-Fiqh Mazhab Al-Imam Al-Syafii*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Qilyuubi & Umairah, 2003, *Hasyiat Al-Qilyuubi Dan Umairah*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Qurtubi, 2000, *Al-Istizkar*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Ahmad Bin Hamzah Al-Syafii, T.Th, *Nihayah Al-Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Syaukani, 1996, *Fath Al-Qadir*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad Bin Isa, 1992, *Sunan Al-Tirmizi*, Istanbul, Dar Sahnun.
- Al-Za'i, Mahmud, 2003, *Mafhum Al-Iqrar Bi Al-Huquq 'Indi Al-Fuqaha'*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Abidin, 1995, *Hasyiah Radd Al-Mukhtar 'Ala Al-Dur Al-Mukhtarn Syarh Tanwir Al-Absar*, Beirut, Dar Al-Fikr.
- Ibn Abidin, 1995, *Hasyiah Radd Al-Mukhtar 'Ala Al-Dur Al-Mukhtarn Syarh Tanwir Al-Absar*, Beirut, Dar Al-Fikr.
- Ibn Al-Arabi, 1967, *Ahkam Al-Qur'an*, T.Tp, Isa Al-Babi Al-Halabi
- Ibn Farhun, Muhammad, 2000, *Tabsirah Al-Hukkam*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Qasim, Muhammad, T.Th *Hasyiah Al-Syeikh Ibrahim Al-Baijuri*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, 1996, *Al-Mughni*, Al-Qaherah: Dar Al-Hadith.
- Muhammad Fawwaz, 2008 *Al-Wajiz Fi Al-Uqud Al-Tijarah Al-Elektroniyyah*. 'Amman: Dar Al-Thaqafah.
- Mustafa Al-Khin & Mustafa Al-Bugho, 1996, *Al-Fiqh Al-Manhajī*, Damsyiq, Dar Al-Qalam.
- Mutawalli, Mahmud Aisyh, T.Th, *Dhamanat Fii Al-Qadha' Al-Islam*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Shahabu Al-Din Abi Ishak Ibrahim Abdullah Al-Mahdani, 1984, *Matbah Al-Irshad*, Baghdad.
- Syarbini, 1994, *Mughni Al-Muhtaj*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Syeikh Abd Rahman Bin Muhammad Bin Sulaiman, 1347h, *Majma' Al-Anhar Fii Syarh Multaqa Al-Abhar*, T.Tp: Al-Matbaah Al-Uthmaniyyah.
- Syinyur, Abd Nasir Muhammad, 2006, *Al-Itbat Bi Al-Khibrah Bain Al-Qadha' Al-Islamiyy Wa Al-Qanun Al-Dawli Wa Tadbiquha Al-Mu'asirah: Dirasah Al-Muqaranah*, Amman.
- Wizarah Al-Awqaf Wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah, 1984, *Al-Mau'suah Al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Wizarah Al-Awqaf Wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah
- Zaydan, Abd Karim, 1997, *Nizam Al-Qadha' Fii Al-Syariah Al-Islamiyyah*, Beirut, Mu'assasah Al-Risalah.

Zuhailī, Wahbah, 1997, *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Damsyiq: Dar Al-Fikr Al-Mu'āsir.

Tesis

Ahmad Syukran, Baharuddin, 2017b. *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah towards Achieving Maqasid al-Shari'ah*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

Jurnal

Mohamad Ismail Bin Hj. Mohamad Yunus, 2006, 'Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini, *The Journal Of Malaysian BAR(INSAF)*, Vol. XXXV.

Akta

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

Akta Keterangan 1950

Akta Perdagangan Elektronik 2006

Kes

Ajmawati binti atan lwn Moriazi bin Muhammad

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.